



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 16/2023

**BERAKHIRNYA RAMADAN BUKAN
BERAKHIR IBADAH**

29 April 2023

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى عَلِيٍّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْكَرِيمِ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الصَّائِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ،
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Pertama-tamanya marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya, dan bersungguh-sungguh meninggalkan segala larangan-Nya.

Perlu diingat, hanya dengan bertakwa kepada Allah SWT, setiap manusia akan memperoleh rahmat-Nya untuk tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Mimbar Jumaat pada hari ini, membicarakan tajuk:

“Berakhirnya Ramadan Bukan Berakhir Ibadah”

Setiap Muslim perlu mensyukuri nikmat kurniaan Allah SWT kerana berada dalam bulan Ramadhan yang penuh keberkatan. Ucapkanlah al-hamdulillah sebagai tanda syukur, agar kita dipilih lagi untuk berada dalam bulan Ramadan akan datang.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sepanjang bulan Ramadan, kita berpeluang untuk melakukan banyak amal ibadah, sama ada ibadah fardu mahupun sunat. Ramadan adalah madrasah untuk mentarbiah jiwa umat Islam agar menggandakan amalan kerana mentaati perintah Allah SWT.

Dengan berakhirnya bulan Ramadan, ia tidak bermakna tamatlah urusan ibadah kepada Allah SWT. Sebaliknya kedatangan bulan Syawal membuka ruang untuk umat Islam meneruskan tarbiah Ramadan. Cabaran umat Islam setelah berakhirnya Ramadan ialah untuk mengekalkan rutin harian dengan pelaksanaan pelbagai ibadah.

Sebagaimana umat Islam memperbanyakkan zikir sepanjang Ramadan, maka dengan kedatangan bulan Syawal mestilah diteruskan dengan zikir dan takbir.

Allah SWT. berfirman dalam al-Quran:

وَلْتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.

(Surah al-Baqarah, ayat 185)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Amalan pengimaran rumah-rumah Allah sepanjang Ramadan perlu diteruskan pada bulan-bulan yang lain. Ia adalah tuntutan Islam yang menyerlahkan kekuatan dan kesatuan umat Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah, ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنۢ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَىٰ
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۖ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi daripada golongan yang mendapat petunjuk.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Bulan Ramadan tidak boleh dipisahkan dengan al-Quran. Puasa dan al-Quran, kedua-duanya akan menjadi syafaat kepada orang beriman di akhirat nanti. Rasulullah SAW bersabda:

الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يُشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: Puasa dan al Quran akan memberikan syafa'at kepada seseorang hamba Muslim pada hari kiamat.

(Hadis riwayat Ahmad)

Sebagaimana bulan Ramadan dipenuhi dengan amalan membaca al-Quran, maka ia perlu diteruskan agar ia menjadi panduan dalam kehidupan.

Sidang jumaat yang dikasihi sekalian

Bersempena dengan kedatangan Syawal, sambutlah dengan penuh kesederhanaan. Elakkan pembaziran dan jauhi perkara yang bercanggah dengan syariat Islam. Pada hari raya juga, eratkan silaturrahim sesama ahli keluarga, jiran tetangga, sahabat handai dan seluruh warga masyarakat.

Justeru, berakhirnya Ramadan bukanlah penamat urusan ibadah orang beriman. Teruskan dan tingkatkan amal ibadah. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan al-Muttaqin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي ظِلِّ وَعُيُونٍ ﴿٤١﴾ وَفَوْكِهِ مِمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٤٢﴾ كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا
كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾ إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang bertakwa berada di tempat teduh (yang dipenuhi pelbagai nikmat), dan yang berdekatan dengan mata air-mata air (yang mengalir). Serta menikmati buah-buahan daripada segala jenis yang mereka ingini. (Pada ketika itu dikatakan kepada mereka): “Makanlah dan minumlah kamu dengan lazatnya, disebabkan apa yang kamu telah kerjakan.” Sesungguhnya, demikianlah Kami membalas golongan yang berusaha mengerjakan amalan-amalan yang baik.”

(Surah al-Mursalat, ayat 41-44)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim

Perbaikilah hubungan antara kami, pertautkanlah hati-hati kami dengan penuh kasih sayang, limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami sakinah, mawaddah dan rahmah. Hidupkanlah semangat bekerjasama dan bersatu padu dalam kejiranan dan qaryah kami.

Kurniakanlah kepada para belia dan remaja kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, ilmu yang bermanfaat agar mereka menjadi generasi al-Qowiyul al-Amin, generasi yang hebat lagi amanah. Jauhkanlah mereka daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Ya Allah,

Tunjukkanlah kami jalan-jalan kebaikan dan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kegelapan kufur menuju kepada sinar iman, peliharalah akidah kami berpandukan akidah ahli sunnah wal jamaah. Janganlah Engkau pesongkan hati kami daripada kebenaran. Akhiri hayat kami dalam keadaan Islam dan Iman.

Ya Allah,

Jadikanlah negeri Terengganu, negeri yang aman dan damai. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Jaukanlah negeri kami ini dan negara umat Islam seluruhnya daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaanMu. Amin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللهُ.